

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM (KUALA LANGAT)**

**SOALAN**

**DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan yang menghidap COVID-19 dalam penjara dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan serta menanggani penularan COVID-19 dalam penjara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 08 November 2020 jumlah positif COVID-19 dalam kalangan banduan di penjara seluruh negara adalah sebanyak 971 kes.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan penularan wabak ini adalah terkawal dalam komuniti penjara. Walaupun tindakan pencegahan dan kawalan penyakit telah diambil, namun penularan wabak ini masih berlaku. Antara faktor penyumbang kepada berlakunya jangkitan COVID-19 di penjara adalah kekangan pengurusan penjara untuk melaksanakan pengasingan banduan baharu disebabkan kesesakan penjara dan

kesukaran untuk mengenalpasti banduan yang dijangkiti COVID-19 kerana kebanyakan banduan tidak menunjukkan simptom COVID-19.

Pada 15 Oktober 2020, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) COVID-19 bil. 29 tahun 2020 telah bersetuju agar KKM melaksanakan ujian pengesahan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya.

Seterusnya bagi mengurangkan tahap kebolehjangkitan COVID-19 dalam kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia bersama KDN telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i. Perancangan bagi penempatan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 8 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*;
- ii. Mewujudkan pusat-pusat transit di penjara untuk penempatan banduan yang baru dimasukkan ke penjara dengan mengambilkira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan; dan
- iii. Pelaksanaan program-program secara berterusan bagi dua pertiga banduan sabitan yang layak menjalani pemulihian di luar penjara, seperti program parol, perintah kehadiran wajib, reintegrasi penghuni industri, *corporate smart internship* dan pembebasan banduan secara lesen.